

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WONG SZE PHIN@JIMMY
[KOTA KINABALU]
TARIKH : 27 NOVEMBER 2017
SOALAN : 46

YB Tuan Wong Sze Phin@Jimmy [Kota Kinabalu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah jenis-jenis rancangan naik taraf hospital dan klinik di Sabah. Berapakah peruntukan dan jumlah wang yang telah dibelanjakan mengikut projek di Sabah pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk tahun 2017, sejumlah **RM1,104,275.00** telah diluluskan di bawah pelbagai butiran projek bagi negeri Sabah. Jumlah peruntukan dan jenis projek yang diluluskan adalah seperti jadual berikut:

Bil.	BUTIRAN PROJEK	NAMA PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)
1	BP2	Kesihatan Awam	213,222.00
2	BP3	Kemudahan Hospital	173,000.00
3	BP6	Naiktaraf, Pembaikan & Ubahsuai	718,053.00
		JUMLAH	1,104,275.00